

NAMA: _____


BAHAGIAN A
[20 marks]

SET 1

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. _____ gajah liar sedang mencari makanan di kawasan padang yang luas itu.
A. Sekumpulan C. Sekawan
B. Seangkatan D. Segerombolan
2. Semalam ibu tidak membenarkan adik keluar bermain _____ dia belum menyiapkan kerja sekolahnya.
A. sambil C. sungguhpun
B. kerana D. walhal
3. Daniel bukan sahaja menolak undangan itu, _____ memberi pelbagai alasan untuk tidak hadir ke majlis tersebut.
A. meskipun C. malahan
B. walaupun D. kendatipun
4. "_____ rakyat Melaka, marilah kita menentang habis-habisan tentera Siam yang ingin menyerang Melaka!" kata Tun Perak kepada sekalian yang hadir.
A. Alangkah C. Hai
B. Amboi D. Wahai
5. "Tok batin sahaja yang belum sampai _____ kerana beliau terpaksa menunggu air sungai pasang,"kata Budiman kepada hadirin.
A. memang C. hanya
B. lagi D. sementara

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Beberapa _____ kalung mutiara telah dipamerkan di pusat beli-belah yang terkenal di ibu kota.
A. pucuk C. naskhah
B. lembar D. untai
7. "Encik Leong berjalan _____ dari gerabak ke gerabak kerana kereta api ini sangat laju,"kata Mutusamy kepada Azman sambil tersenyum
A. tergoncang-goncang
B. terhantuk-hantuk
C. terhuyung-hayang
D. terangguk-angguk
8. _____ berasa amat dukacita atas kejadian bencana alam yang menimpa rakyatnya kerana ramai yang terkorban.
A. Sultan C. Hamba
B. Beliau D. Laksamana

Soalan 9 berdasarkan kepada gambar di bawah.




9. Hujan lebat selama beberapa hari telah menyebabkan beberapa unit _____ tumbang kerana berlakunya tanah runtuh.

- A. apartmen C. kondominium
B. rumah pangsa D. rumah teres

10. _____ besar masyarakat di Malaysia hari ini telah menyedari akan kepentingan komputer dalam kehidupan seharian.

- A. Semua C. Kebanyakan
B. Sekalian D. Sebahagian

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



11. Tukang rumah itu menggunakan _____ untuk mengukur sudut dengan tepat semasa membina rumah.

- A. sesiku C. lelangit
B. tetupai D. kekuda

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



12. Puan Leena menyidai pakaian yang baharu dibasuhnya di _____ yang terletak di belakang rumahnya.

- A. pagar C. balkoni
B. pintu D. ampaian

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



13. Pemandangan dan panorama pada waktu senja di sawah padi itu indah _____.

- A. sungguh C. paling
B. nian D. terlalu

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

14. Pulau Tioman merupakan destinasi pelancongan yang terkenal di rantau Asia Tenggara.

- A. Pulau Tioman amat diminati oleh pelancong di Asia Tenggara
B. Asia Tenggara sangat terkenal sebagai tempat pelancongan di Pulau Tioman
C. Destinasi pelancongan yang terkenal di rantau Asia Tenggara ialah Pulau Tioman
D. Pulau Tioman dan Asia Tenggara sangat terkenal sebagai kawasan pelancongan

15. Mahendra memberi nasihat kepada Lucy supaya belajar bersungguh-sungguh sekiranya ingin berjaya.

- A. "Kamu perlu belajar bersungguh-sungguh sekiranya ingin berjaya,"kata Mahendra kepada Lucy.
B. "Jika kamu ingin berjaya, kamu perlu belajar bersungguh-sungguh,"paksa Mahendra kepada Lucy.
C. "Kamu akan berjaya sekiranya kamu belajar bersungguh-sungguh,"ujar Mahendra kepada Lucy.
D. "Berjayalah kamu andainya kamu belajar betul-betul,"gesa Mahendra kepada Lucy.

Pilih ayat yang betul

16. A. Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi pada negara kita.
B. Negeri Johor ialah pengeluar minyak sawit yang paling utama di Malaysia.
C. Hari Penyampaian Hadiah ialah pada minggu hadapan.
D. Budak perempuan yang asyik membaca itu kerana anak Puan Bibi.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan - soalan yang berikut.

Mengkuang merupakan tumbuhan dalam keluarga yang sama dengan pandan. Mengkuang tumbuh liar di kawasan lembab dan berpayau. Biasa kita lihat mengkuang tumbuh di tepi-tepi sawah padi, tali air, paya dan sungai. Daun mengkuang berbentuk tirus memanjang dan berduri tajam pada bahagian tepi daun.

Kegunaan utama mengkuang adalah dalam pembuatan barangan kraftangan seperti tikar, bakul dan lain-lain. Sifat daun mengkuang yang panjang dan lasak menjadikannya pilihan utama untuk membuat tikar. Pada masa kini tikar mengkuang masih lagi diminati khususnya oleh pelancong luar negara. Hal ini demikian kerana keunikan seni anyaman yang pelbagai tampak begitu halus dan kreatif.

Mengkuang juga dipercayai boleh merawat hilang ingatan dengan cara duri mengkuang, duri gulang dan duri rakan direbus atau direndam dalam air panas dan air tersebut digunakan untuk mandi. Mengikut kepercayaan **tradisional** masyarakat Melayu pada zaman lampau, daun mengkuang digunakan sebagai bahan untuk menghalau hantu dari mengganggu wanita yang lepas bersalin. Daun mengkuang akan diletakkan pada dinding rumah wanita yang baru melahirkan anak. Kononnya, duri tajam pada daun mengkuang akan menakutkan hantu untuk mendekati rumah tersebut.

Pohon mengkuang ini harus dijaga dan dipelihara kerana mempunyai nilai estetika dan komersial yang tinggi. Jangan nanti generasi akan datang tidak mengenali rupa dan bentuk mengkuang jika pupus kerana tidak dijaga dan diberi perhatian sewajarnya.

17. Mengkuang merupakan tumbuhan yang sama...
- A. keluarga dengan pandan
B. dengan pandan dan tidak berduri
C. mengeluarkan buah berbentuk bujur
D. dengan pandan dan berbau busuk
18. Selain digunakan untuk menghasilkan kraf tangan, apakah kegunaan lain mengkuang?
- A. dapat menghasilkan jus yang baik untuk kesihatan
B. dianyam untuk dijadikan atap rumah
C. dipercayai boleh merawat hilang ingatan
D. dijadikan alat untuk memanggil hantu
19. Perkataan **tradisional** seperti yang terdapat dalam petikan boleh digantikan dengan...
- A. kuno
B. lapuk
C. usang
D. lama
20. Pada pendapat kamu, kenapa pohon mengkuang ini perlu dijaga dan dipelihara?
- A. mempunyai nilai estetika dan komersial yang tinggi
B. keadaan daunnya yang berduri membahayakan orang
C. Tumbuh subur di kawasan darat
D. memerlukan penjagaan yang rapi dari semasa ke semasa

SET 2

BAHAGIAN A

[20 marks]

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.




1. Pihak jabatan penjara telah mengadakan satu _____ hukuman sebat terhadap pesalah yang terlibat dalam kes dadah.
A. uji kaji C. demonstrasi
B. latihan D. taklimat
2. "Wahai sekalian pegawai istana. Adapun pemergian _____ tidaklah lama," titah Sultan Mahmud Syah kepada pegawai istana.
A. beta C. tuan hamba
B. patik D. saudagar
3. Nadim menangis apabila melihat sikunya berdarah semasa terjatuh kerana terpijak dahan pokok mempelam yang sudah _____.
A. rapuh C. racau
B. rangup D. reput
4. Apabila mengetahui anak lelaki tunggalnya ditangkap polis, perasaan Pak Murad _____.
A. bagai sirih pulang ke gagang
B. bagai aur dengan tebing
C. bagai kaca terhempas ke batu
D. bagai air titik ke batu
5. Amir melihat layang-layang yang _____ ditiup angin kerana tersangkut pada dahan pokok yang tinggi itu.
A. terhuyung-hayang C. terkedek-kedek
B. terliuk-lintup D. teroleng-oleng

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Proses _____ batik memerlukan kesabaran dan daya kreativiti yang tinggi supaya hasilnya berkualiti.
A. mengecop C. menyapu
B. mengecap D. mencanting

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah




7. Oleh sebab adik belum mempunyai gigi, emak terpaksa _____ nasi bulat-bulat sebelum disuap ke dalam mulut adik.
A. menggenggam C. meleper
B. mengepal D. menggentel
8. Kisah orang minyak yang mengganas di kampung itu telah menjadi _____ penduduk yang kini berada dalam ketakutan.
A. air tangan
B. desas-dessus
C. batu loncatan
D. buah mulut

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



9. Encik Anthony _____ rumput dan rumpai yang tumbuh meliar di celahan pokok pisang di belakang rumahnya dengan sebilah sabit.
- A. menakik C. menebuk
B. mencantas D. menebang

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.




10. Satu pameran kereta _____ akan diadakan di dewan besar sebuah hotel terkemuka di ibu negara pada bulan hadapan.
- A. lama C. kuno
B. lampau D. antik

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.




11. Pak Raden menggunakan _____ gergaji untuk memotong buluh bagi membuat tabung yang diminta cucunya.
- A. sepucuk C. sebilah
B. sebatang D. selaras

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



12. Kakak Kim Seng menyediakan kuih berpandukan _____ yang diberi oleh rakannya sebagai juadah minum petang.
- A. resepi C. atur cara
B. maklumat D. kandungan

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



13. Di pasaran sekarang ini, terdapat pelbagai _____ telefon yang menawarkan harga dan pakej Internet yang berpatutan.
- A. bentuk C. fesyen
B. jenama D. contoh

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

14. "Tuan boleh datang ke pejabat saya pada bila-bila masa untuk berbincang tentang projek perumahan itu,"kata pengurus syarikat kepada Encik Tarmizi.
- A. Encik Tarmizi meminta pengurus syarikat datang berjumpa dengannya pada bila-bila masa untuk berbincang tentang projek perumahan itu.
B. Pengurus syarikat dan Encik Tarmizi bersetuju untuk berbincang tentang projek perumahan bersama-sama.

- C. Pengurus syarikat mempelawa Encik Tarmizi datang ke pejabatnya pada bila-bila masa untuk berbincang tentang projek perumahan itu.
- D. Encik Tarmizi bersetuju untuk datang ke pejabat syarikat perumahan itu untuk berbincang.
15. "Wahai anak-anakku. Ayah harap kalian jangan berebut harta pusaka ini andai ditakdirkan penyakit ayah tidak sembuh,"pinta Haji Salim kepada anak-anaknya.
- A. Haji Salim berharap agar anak-anaknya tidak merampas harta pusaka miliknya sekiranya dia meninggal dunia.
- B. Anak-anak Haji Salim berjanji bahawa mereka tidak akan berebut tanah pusaka itu sekiranya penyakit Haji Salim tidak sembuh.

- C. Haji Salim meminta kepada anak-anaknya agar tidak berebut harta pusaka andai ditakdirkan penyakitnya tidak sembuh.
- D. Ayah Haji Salim berharap agar anak-anak tidak berebut harta pusaka sekiranya penyakitnya tidak sembuh.

Pilih ayat yang betul.

16. A. Bangunan itu merupakan bangunan yang paling tertinggi di bandar ini.
- B. Kakak terasa serba salah untuk menjawab panggilan telefon itu.
- C. Semua murid-murid telah berkumpul di dewan sekolah untuk mendengar ceramah motivasi itu.
- D. Semua penduduk kampung terpaksa bergelap kerana bekalan elektrik terputus disebabkan pencawang yang tumbang.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan - soalan yang berikut.

Permainan layang-layang merupakan satu aktiviti menerbangkan layang-layang tersebut di udara. Layang - layang juga dikenali dengan nama Wau. Perkataan "wau" dikatakan berasal dari perkataan kerajaan Melayu Pattani (Thai) memandangkan negeri seperti Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah menggunakan perkataan tersebut.

Perkataan layang-layang pula digunakan di kebanyakan negeri-negeri seperti di pantai barat dan selatan Semenanjung Malaysia seperti Selangor, Melaka dan Johor. Hal ini dapat dibuktikan menerusi catatan Tun Seri Lanang yang menyatakan bahawa Raja Ahmad bermain layang-layang bersama pemuda-pemuda serta kerabat diraja. Selain itu kemunculan nama wau juga dikaitkan bunyi yang terhasil daripada busur yang diikat pada wau. Apabila dinaikkan ke udara, daun ibus yang dipasang pada busur tersebut akan menghasilkan bunyi "wau" secara berirama.

Permainan wau diadakan sebagai hiburan untuk pelbagai peringkat umur. Pertandingan wau juga diadakan. Pertandingan berdasarkan bentuk dan kecantikannya diukur dari segi corak ciptaan, warna, keaslian ciptaan dan ukurannya.

Berbagai-bagai jenis dan bentuk wau telah dicipta. Antaranya ialah Wau bulan iaitu wau yang bahagian ekornya menyerupai bulan sabit atau tanduk dan mengandungi bulan penuh di bahagian labu iaitu di antara bulan sabit dengan sayapnya. Selain itu terdapat juga Wau gubah iaitu wau yang direka mengikut daya cipta pembuatnya sendiri. Lazimnya berunsur tumbuhan, haiwan, peralatan sosiobudaya, ciptaan sains dan teknologi dan alam khayalan. Wau helang ialah wau yang menyerupai burung khususnya di bahagian ekor dan berasal dari Perlis. Seterusnya terdapat juga Wau jala budi yang merujuk kepada wau yang menyerupai lembaga manusia yang bahagian ekornya berbentuk seperti punggung manusia. Wau ini dikenali dengan wau kangkang dan wau orang. Wau ini juga mengambil nama sempena bentuk daun budi. Sebenarnya terdapat banyak lagi jenis wau yang terdapat di negara ini. Semua wau ini mempunyai keistimewaan serta

17. Apakah yang dikatakan permainan layang-layang atau wau?
- A. satu permainan yang memerlukan kerjasama kumpulan
 - B. aktiviti menerbangkan layang-layang tersebut di udara.
 - C. aktiviti meraut buluh untuk membuat layang-layang
 - D. satu pertandingan layang-layang paling cantik
18. Apakah nama daun yang diikat pada busur dan menghasilkan bunyi wau apabila dinaikkan ke udara?
- A. daun palas C. daun ibus
 - B. daun kelapa D. daun pandan
19. Wau helang dikatakan berasal dari Perlis. Nyatakan keistimewaan wau tersebut.
- A. Wau yang menyerupai burung khususnya di bahagian ekor
 - B. Wau yang menggunakan bulu burung helang
 - C. Wau yang mengeluarkan bunyi seperti burung helang
 - D. Wau yang bersaiz burung helang
20. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
- A. Semua wau adalah berunsur tradisional.
 - B. Perkataan wau digunakan oleh masyarakat di pantai barat Semenanjung.
 - C. Wau gubah iaitu wau yang direka mengikut daya cipta tanpa sebarang unsur atau motif.
 - D. Wau jala budi ialah wau yang menyerupai lembaga manusia yang bahagian ekornya berbentuk seperti punggung manusia.